

VISUAL SEJARAH DALAM SENI CETAK BERTEMAKAN NEGERI-NEGERI MELAYU 1786-1890

(Visual History in Printmaking under the Theme of Malayan States 1786-1890)

Azian Tahir, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Khairul Azahari Abdul Rani

ABSTRAK

Budaya merakam peristiwa dan suasana sejarah melalui visual bermula sejak sekian lama, iaitu ketika manusia mula mengenali bagaimana untuk meninggalkan kesan pada sebarang permukaan. Hal ini berterusan hingga kepada beberapa ketamadunan yang besar yang menggunakan tinggalan visual sebagai medium untuk menyampaikan maklumat berhubung dengan kekuasaan mereka serta aktiviti harian masyarakat pada zaman tersebut. Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat visual sejarah melalui seni cetak sebagai satu pendokumentasian sejarah terutama sekali di Negeri-negeri Melayu. Sesungguhnya dengan menghayati sesuatu karya seni sama ada dalam konteks sosial, politik, ekonomi dan pengayaan membolehkan kita memahami bukan sahaja seni malahan latarbelakang disebalik setiap visual yang terhasil. Negeri-negeri Melayu yang tidak ketinggalan dari menjadi tema utama dalam penghasilan visual seni cetak semenjak abad ke-15 lagi telah banyak menyimpan himpunan sejarah melalui visual cetakan secara tidak langsung. Hal ini jelas sekali menunjukkan Negeri-negeri Melayu juga tidak ketinggalan mempunyai koleksi visual cetakan yang boleh dikaji untuk mendapatkan maklumat sejarah di sebalik setiap visual yang dihasilkan. Malahan seni cetak adalah salah satu daripada disiplin media masa yang paling berkesan, dalam menyimpan maklumat dan imej dalam jumlah yang banyak. Secara tidak langsung hal ini dapat memperlihatkan bagaimana perkembangan seni cetak di Negeri-negeri Melayu ini selari dengan proses pendokumentasian maklumat yang akhirnya menjadi rekod bercetak kepada sejarah negara. Dalam konteks kajian ini jangka masa himpunan visual cetakan yang dikaji adalah berlandaskan ketika era pemerintahan British di Negeri-negeri Melayu.

Kata Kunci: Sejarah, Seni Cetak, Dokumentasi, Media, British

ABSTRACT

The culture of visually recording historical events has been going on for a very long time, ever since man started knowing ways to create impression on surfaces. This culture continued on across many great civilizations that left visual recordings as proof of their power, influence as well as their daily activities. The main focus of this research is to look at visuals of historical events that were presented in printmaking artwork as a form of formal documentation, especially in Malaya. By appreciating art works through social, political, economic or technical context can allow us to understand not only the art itself, but also its background as well. Since the 15th century Malaya has become one of the favoured themes in the activities of producing a

printmaking artworks, furthermore the artworks has also content visually documented history events. This means that Malaya also has a good collection of visuals that dictate historical events that are worthy of being researched. Moreover printmaking artworks is one of many disciplines in mass media that is considered effective and successful in collecting images and information in large volumes. Indirectly, it proves that the development of printmaking artworks in Malaya is concurrent with the documentation of evidences and information that eventually became printed records of the nation's historical events. In the context of this research, the period looked into is during the British occupation of Malaya between 1786-1890.

Keywords: History, Printmaking, Documentation, Media, British

PENGENALAN

Kajian ini akan membincangkan budaya merakam peristiwa dan suasana sejarah melalui visual. Aktiviti ini telah bermula sejak sekian lama, iaitu ketika manusia mula mengenal bagaimana untuk meninggalkan kesan pada permukaan. Hal ini berterusan hingga ke beberapa ketamadunan yang besar yang menggunakan tinggalan visual sebagai medium untuk menyampaikan maklumat berhubung dengan kekuasaan serta aktiviti harian mereka pada zaman tersebut. Ianya berterusan sehingga ke era laluan sutera laut, juga dikenali sebagai laluan rempah. Negeri-negeri Melayu yang secara sejarahnya mula dikenali di peringkat antarabangsa semenjak abad pertama juga tidak ketinggalan dalam rakaman rekod bertulis dan visual. Kewujudannya direkodkan secara bertulis oleh Claudius Ptolemy, sebagai “*Golden Chersonese*”, iaitu “Semenanjung Emas” seawal abad pertama (Durand, and Richard, 2014: 14) Visual Negeri-negeri Melayu semakin mendapat tempat dalam kalangan para pedagang Timur dan Barat apabila “laluan sutera laut” mula digunakan dengan hebat bagi tujuan perdagangan. Laluan ini bermula dari Guangzhau, China dan membawa ke Lautan Hindi juga dikenali sebagai “laluan rempah” (*Spice route*). Negeri-negeri Melayu menjadi antara pelabuhan utama yang harus disinggahi para pedagang. Laluan yang mula diperkenalkan ketika zaman pemerintahan Qin dan Han hanya mempunyai laluan yang terhad. Namun oleh kerana perkembangan teknologi perkapalan yang kian meningkat, maka perjalanan laluan sutera laut ini juga turut berkembang. Laluan tersebut menyusuri laluan di Asia Tenggara, Melaka di kawasan Lautan Hindi, dan Teluk Gulf. Ketika Dinasti Yuan (1271-1368) pelabuhan Quanzhou mengambil alih tugas Guangzhau sebagai pelabuhan utama. Ketika era inilah laluan sutera laut telah sampai ke kemuncaknya dan terdapat banyak aktiviti perdagangan dijalankan (Kauz, 2010:3-4)

Berdasarkan aktiviti tersebut golongan pedagang dan pengembara mula menjejakkan kaki ke Asia Tenggara. Sejarah mencatatkan bahawa orang Yunani telah berlayar hingga ke Negeri-negeri Melayu dan hal ini telah dicatatkan menerusi buku yang ditulis oleh Ptolemy dan juga dari catatan era Maharaja Han di China (Hourani, 1995: 35) Selain berdagang, aktiviti yang dijalankan oleh pedagang dan pengembara adalah menyimpan atau mendokumenkan perkara penting yang mereka lalui dan diperoleh di Negeri-negeri Melayu melalui penulisan dan lakaran. Sekembalinya mereka ke negara asal, laporan rasmi akan dilakukan dan terdapat dalam kalangan mereka yang menghasilkan buku yang lengkap mengenai pengembaraan mereka. Melalui buku yang kemudiannya dicetak dan diedarkan kepada umum selain menjadi koleksi pihak kerajaan, terdapat juga visual lakaran tersebut yang dicetak secara berasingan bertujuan untuk dijual. Cetakan visual inilah yang menjadi satu rekod visual cetakan yang tersimpan

bertemakan Negeri-negeri Melayu yang akhirnya memberikan gambaran Negeri-negeri Melayu pada suatu masa dahulu, semasa, dan perkembangannya.

Gambar 1: “*Effigies eorum, qui Malacam quique Javas Infulas habitant*”, 1596

(Penduduk Melaka, bercakap santun, bersopan, dan yang paling mesra di Timur India)



Sumber Koleksi: The National Art Library, Victoria & Albert Museum, London.

Rekod visual dan koleksi cetakan inilah yang menjadi visual sejarah Negeri-negeri Melayu secara tidak langsung dan ada di antaranya yang masih boleh ditemui di Belanda, Portugal, England, Australia, New Zealand, Singapura, dan Malaysia. Di Negeri-negeri Melayu, cetakan sama ada daripada teknik gubahan logam tembaga, litografi, akuatint, gubahan kayu dan lain-lain yang menggambarkan aktiviti perdagangan dan hubungan dengan masyarakat yang terjalin sejak kedatangan pedagang dari Barat pada abad ke-15. Misalnya, seorang pengkarya Belanda berjaya menghasilkan lakaran dan visual cetakan pada bukunya *Regnum Congo: Hoc Est Vera Descriptio Regni Africani, Qvod... Congus Appellatur*. Karya yang dihasilkan oleh Jan van Linschoten ini diterbitkan pada 1596 bertajuk, “*Effigies eorum, qui Malacam quique Javas Infulas habitant*” yang membawa maksud, penduduk Melaka merupakan masyarakat yang bersopan santun dan yang paling mesra di Timur India (Gambar 1). Visual ini jelas sekala bertujuan untuk memperkenalkan masyarakat asal di Melaka, iaitu menerusi rupa, bentuk badan mereka, dan cara mereka berpakaian ketika dilakarkan. Rekod visual seperti inilah merupakan maklumat yang penting untuk diberikan perhatian dan dikaji dengan lebih mendalam. Melalui karya ini juga dapat memperlihatkan bagaimana bangsa asal di Melaka dengan penampilan mereka. Kelihatan menerusi karya ini dua pasangan, iaitu bangsa Melayu dan Jawa diasingkan dan dibandingkan dengan cara penampilan mereka melalui cara mereka berpakaian.

Gambar 2: “*Vicerex Classem Ex Goa Ad Edomandos Piratas quofdam amandat*”-1602



Sumber Koleksi: The National Art Library, Victoria & Albert Muzium, London.

Peranan visual ini bukan sahaja dilihat daripada penyampaian maklumat tentang masyarakat malah turut digunakan bagi tujuan merakam peristiwa. Contohnya, terdapat sebuah karya yang dihasilkan pada tahun 1602, oleh Jean Thodore de Bry & Jean Israel de Bry bertajuk “*Vicerex Classem Ex Goa Ad Edomandos Piratas quofdam amandat*” (Gambar 3) yang menggambarkan dalam bentuk cetakan visual serangan lanun terhadap kapal pedagang Hindia Timur di Alam Melayu ketika itu. Artisan juga merakamkan dalam bentuk visual aktiviti perdagangan di pelabuhan yang pesat membangun dan maju, antaranya di Melaka, Pulau Pinang, dan Singapura. Malah, pengkarya Belanda Pieter van der Aa (1707), turut menghasilkan cetakan visual tentang serangan pihak Portugis ke atas Melaka. Beliau memberikan visual tentang perbezaan antara kapal perang Portugis dengan kapal yang digunakan oleh pihak Melaka. Cetakan yang menggunakan teknik gurihan tembaga ini merupakan sebahagian daripada “*folio edition*” pelayaran yang dilakukan semasa pengembaraan dari tahun 1216 hingga 1696, dan disusun secara kronologi. Kemudian, pengembaraan tersebut dicetak dalam sebuah koleksi buku *Historia Naturale*, terbitan Seville (Gambar 3) (Hough, & Hough, 1994).

Gambar 3: “*Fighting between the Malays and the Portuguese broke out, in 1509*”



Sumber Koleksi: Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Hoyt, S.H. *Old Malacca*. Oxford University Press Kuala Lumpur, 1993.

Aktiviti untuk menghasilkan visual cetakan melalui lakaran ataupun catan dan kemudian dicetak, diteruskan hingga kedatangan British ke Negeri-negeri Melayu. Aktiviti tersebut bermula daripada penghasilan cetakan visual bersempena pengambilalihan Pulau Pinang, “*Prince of Wales Island*” (Gambar 4), oleh Elisha Trapaud dan dicetak oleh Thomas Medland pada tahun 1788, dengan teknik gurusan logam dan berterusan kepada banyak lagi cetakan yang bertemakan Negeri-negeri Melayu selepas itu. Visual cetakan yang merakamkan acara terpenting dalam sejarah pengambilalihan Pulau Pinang dari Sultan Kedah ini dicetak ketika upacara bendera Union Jack dinaikkan buat pertama kalinya di Pulau Pinang. Peristiwa ini juga merupakan titik tolak dalam sejarah penjajahan British terhadap Negeri-negeri Melayu.

Gambar 4: “*Prince of Wales Island*” (Penang Tanjung Penaga)-1788.



Sumber Koleksi: Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Bastin, J.S. & Rohatgi, P., *Prints of Southeast Asia in the India Office Library: The East India Company in Malaysia and Indonesia, 1786-1824*. Cambridge: Her Majesty's Stationery Office by Heffers Printers Limited, 1979.

Aktiviti merakam visual sejarah dan mencetak mempunyai banyak tujuan. Antaranya untuk kegunaan sebagai bahan rujukan ketika era sesebuah kepimpinan di Negeri-negeri Melayu. Ia semakin rancak berlaku pada abad ke-19. Hal ini dikatakan demikian kerana perkembangan seni cetak gurusan kayu sudah bermula pada abad tersebut. Maka, lahirlah beberapa orang pengkarya British yang menggunakan teknik ini bagi menggambarkan aktiviti perdagangan dan masyarakat di Negeri-negeri Melayu. Cetakan mereka ini dipaparkan secara individu atau secara profesional selain melalui penerbitan akhbar, seperti *The Illustrated London News* (ILN), *The Graphic*, dan penerbitan buku daripada pengalaman peribadi.

Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan dan mengenal pasti pendokumentasian yang terbaik terhadap himpunan visual cetakan bertemakan sejarah Negeri-negeri Melayu. Hal ini merupakan penyelidikan yang bertitik tolak daripada pendapat yang diutarakan oleh Mulyadi Mahamood yang mengatakan bahawa pengkajian berkaitan seni cetakan di Malaysia agak berkurangan berbanding dengan cabang seni yang lain. Oleh itu, pengkaji merangka objektif yang membantu dalam pencarian pengkajian ini. Dengan mengenal pasti tema yang dibawa oleh artisan cetakan ini sama ada tema-tema karya yang dihasilkan berkaitan dengan sejarah sosial, politik, ekonomi, seni bina, dan teknik serta pengayaan yang digunakan dalam penghasilan visual cetakan. Selain dari memastikan bahawa tujuan karya tersebut dihasilkan adakah dari segi keperluan pentadbiran ataupun sekadar pendokumentasian sejarah sosial ketika

itu. Malahan diharap dengan pengkajian ini dapat menjawab sejarah kehadiran seni cetak moden di Negeri-negeri Melayu mengikut disiplin cetakan yang ditetapkan dalam konteks seni cetakan.

LATAR BELAKANG PENGKAJIAN

Muliyadi Mahamood, mengatakan bahawa dalam bidang sejarah seni visual, karya seni merupakan dokumen sejarah atau sumber primer yang penting, sementara itu penghayatan seni menjadi asasnya (Muliyadi Mahamood, 2012) Banyak perkara yang terkandung dalam satu karya dan sejarawan seni dapat mengupasnya dari sudut sejarah dan penceritaan di sebalik sesebuah karya. Data primer yang ada kalanya tertinggal dari sudut penulisan teks turut dirakam di dalamnya. Seni yang kaya dengan kepelbagaian cara penyampaiannya membolehkan ia disampaikan dan disimpan dengan rapi. Disiplin seni visual yang merujuk kepada catan, cetakan, dan arca secara amnya memberikan pilihan kepada artisan. Dalam hal ini penekanan yang diberikan adalah mengenai seni cetakan yang menjadi amalan pengkarya seni sejak sekian lama. Seni cetakan secara tidak langsung menyimpan banyak visual dan maklumat sejarah mengenai Negeri-negeri Melayu melalui hasil karya yang tersimpan hingga kini. Mohd. Noor Mohamed, mengatakan bahawa adalah amat berharga artisan terdahulu yang merakam ciri keindahan dan pembangunan setempat, kerana usaha tersebut dapat menjadi simpanan dan bukti grafik berhubung dengan perubahan yang berlaku di Negeri-negeri Melayu (Lim, 1986) Sesungguhnya, visual sejarah di sesebuah tempat menyimpan khazanah visual yang ada di antaranya masih belum diterokai secara mendalam.

Istimewanya, teknik cetakan menurut Mildred Archer, di balik koleksi dokumen yang terkumpul dalam gudang rekod (*factory record*) menerangkan sesuatu peristiwa, di “Indian Office Records” terdapat juga dokumen visual yang penting dalam tempoh tersebut sebagai koleksi berharga perpustakaan. (Bastin & Rohatgi, 1979) Koleksi tersebut telah dikatalogkan antaranya koleksi lukisan cat air dan cetakan termasuklah yang berkaitan Asia Tenggara yang merangkumi Maluku, Jawa, Borneo, Sumatera, dan Negeri-negeri Melayu. Cetakan merupakan himpunan dokumentasi yang amat berharga melalui katalog dari gudang rekod ini. Pauline Rohatgi, menggambarkan dan mengumpul cetakan berkaitan aktiviti Syarikat Hindia Timur di Indonesia dan Malaysia sepanjang tempoh 1786-1824. (Bastin & Rohatgi, 1979) Namun begitu, masih banyak lagi bahan dan koleksi yang boleh ditemui dan dikumpulkan kerana himpunan mereka hanya dalam jangka masa sehingga tahun 1824. Malahan, ianya hanya merangkumi negara tertentu dan tidak termasuk Singapura.

Di Malaysia catatan sejarah mengenai kemasukan mesin cetakan secara komersial telah pun diperoleh dan dikaji serta dicatatkan oleh Cecil K. Byrd. (Byrd, 1991) Beliau mengatakan bahawa alat percetakan komersial dibawa masuk ke Negeri-negeri Melayu pada tahun 1806. Pada asalnya, alat tersebut bertujuan untuk mengembangkan perniagaan dan penyebaran agama Kristian di Pulau Pinang dan Melaka. Oleh itu, mesin cetakan yang dibawa masuk lebih kepada keperluan untuk mencetak bahan dalam bentuk teks dan tenaga mahir yang dibawa masuk juga lebih kepada keperluan tersebut. Manakala, dari segi perkembangan seni cetak visual pula masih dalam keadaan samar.

Pentingnya penyelidikan ini di sokong oleh Ahmad Suhaimi Mohd Noor, menerusi bukunya bertajuk *Sejarah Kesedaran Visual di Malaya*. (A. Suhaimi, 2007) Beliau

memperkatakan bahawa sememangnya penyelidikan ini amat diperlukan kerana jika dilihat dari sudut sejarah, kesedaran visual dalam kalangan orang Melayu di Negeri-negeri Melayu hanya mula dapat dikesan dengan munculnya penerbitan buku *Hikayat Abdullah* pada tahun 1849. Beliau juga menjelaskan bagaimana pada sekitar tahun 1840 hingga tahun 1890, terlalu kurang ilustrasi yang dihasilkan oleh peribumi di sini. Malahan, beliau menemui beberapa bukti percetakan berkaitan dengan masyarakat di Negeri-negeri Melayu pada ketika itu di dalam buku yang di cetak di Eropah. Antaranya, buku berbahasa Jerman yang bertajuk *Singapore, Malacca and Java* yang diterbitkan di Berlin pada tahun 1866 dan ditulis oleh P. Jogor. Buku tersebut merupakan bukti bagaimana cetakan membantu proses pendokumentasian secara tidak langsung. Malahan, beliau juga mengatakan bahawa cetakan bercorak dokumentasi ini mungkin dihasilkan tanpa disedari pelukis. Pasti mereka menyimpan satu rekod sejarah mengenai orang Melayu melalui ilustrasi yang dibukukan. Jelas bahawa cetakan ini memainkan peranan yang besar dalam proses menyimpan data sejarah negara selain daripada memperkenalkan cetakan moden di Malaysia.

Melalui tugas memperkemas perolehan faktanya dan maklumat berkaitan seni cetak, sekurang-kurangnya dapat membantu kita untuk memahami tujuan dalam tema cetakan tersebut. Mengkaji lukisan, catan, dan cetakan yang menggambarkan landskap dalam pengkajian sejarah sememangnya sudah dijalankan di National University of Singapore, dalam buku bertajuk "*Sketches in The Straits: Nineteenth-century Watercolours and Manuscript of Singapore, Malacca, Penang and Batavia*" oleh Charles Dyce. Richard KB Poh, menjelaskan bahawa sebelum penggunaan meluas fotografi, cetakan topografi merupakan sumber penting maklumat mengenai pertumbuhan penyelesaian Singapura pada abad ke-19. (Richard, 1987) Visual estetik serta bermaklumat, cetak merupakan sumber "immenseness" sejarah penting (Teo, et al, 1987) Bukan sahaja mereka menyediakan maklumat yang tidak ternilai pada topografi pulau, tetapi pemerhatian peribadi bandar, kehidupan, dan pelbagai kaum, berwarna dengan pandangan dan nilai subjektif, mengandungi data sosial sumber bentuk tidak lain yang sedia ada (Teo, et. al., 1987). Oleh itu, visual sejarah di Negeri-negeri Melayu memainkan peranan yang tersendiri dan penting untuk diberikan perhatian dalam pengkajian ini.

Perbandingan antara cetakan mekanikal dengan cetakan moden yang kini diamalkan oleh artisan seni adalah seiring dengan penemuan dan perkembangan teknologi pembuatan kertas yang bermula pada era ketamadunan Mesir purba sekitar 5000 tahun SM. Cetakan di atas kertas pada awalnya merupakan suatu keperluan dalam upacara keagamaan, dan ini dibuktikan melalui penemuan arkeologi yang cenderung ke arah itu. Teknik cetakan yang pada asalnya merupakan teknik cetak tembus (*stenciling*) diguna pakai. Bukti jelas adalah daripada penemuan beberapa bahan berkaitan yang dihasilkan pada zaman pemerintahan Firaun dan era Dinasti China. Antara bukti yang ditemui adalah melalui kesan cetak tembus di perkuburan dan keranda yang tersimpan di dalam Piramid di Mesir, tembikar Mycenaean 2200 SM (Seidner, 1989) Manakala penemuan oleh Sir Aurel Stein (1862-1943) di China juga penting, beliau menemui artifak cetakan yang bertarikh 500 sehingga 1000 Masihi. Selain daripada itu, terdapat beberapa bukti lain seperti cetakan figura Buddha pada dinding gua. Amalan mencetak ini tidak berhenti begitu sahaja, dan berkembang kepada teknik cetakan kayu di China. Amalan mencetak buku dengan teknik cetakan ini bermula sekitar kurun ke-16. Sesungguhnya, amalan menyimpan maklumat dan mendokumentasikan imej serta teks melalui cetakan amat penting dalam konteks penyebaran maklumat.

Di Eropah, pengaruh teknik cetakan tembus merupakan teknik yang dibawa dari Timur. Teknik ini diguna pakai untuk pelbagai kegunaan dan antara yang menjadi keutamaan adalah untuk membuat salinan asal lakaran “*fresco*”. Teknik ini diguna pakai untuk lukisan mural dan sememangnya teknik inilah yang digunakan oleh orang China ketika proses pembikinan “*The Chinese in the Cave of the Thousand Buddhas*” (Gambar 5). Keberkesanan dalam menggunakan teknik “*fresco*” di Eropah dikatakan bermula pada lewat abad ke-15 hinggalah pada tahun 1850-an. Teknik ini diguna pakai dalam semua unsur dan peralatan keagamaan, kertas nota lagu, hebahan politik, dan akhbar harian selain daripada kegunaan harian di rumah.

Di Negeri-negeri Melayu, semasa era Kolonial didapati bahawa visual cetakan juga mempunyai kepentingan tersendiri, penghasilannya selalu bertujuan untuk memberikan gambaran atau maklumat yang jelas kepada berbagai pihak di England. Menurut Alison Inglis, “seni cetak yang diletakkan bersama-sama potret keluarga pada awal penghijrahan ketika itu, sebahagiannya adalah disebabkan oleh kemudahan dan ketahanan dalam proses perjalanan sesebuah cetakan berbanding dengan lukisan minyak yang terpaksa dibawa sejauh hampir mengelilingi separuh dunia.” (Inglis A., 1988) Kesedaran dalam berbagai aspek, seperti ketahanan, jumlah, dan mudah dibawa menyebabkan perkembangan penggunaan cetakan itu sendiri. Di Australia, cetakan dianggap penting kerana menjadi salah satu alat hebahan atau propaganda untuk mengajak orang berhijrah ke negara terbabit, iaitu sekitar tahun 1802-1880. Visual cetakan itu penting bagi tujuan untuk membolehkan kerajaan menunjukkan kesuburan dan keindahan landskap dan diharap dapat menggalakkan kehadiran penghijrah, dan peneroka untuk berhijrah serta bermastautin. Sudah semestinya ketika itu satu-satunya cara untuk mengedarkan visual ini dalam skala yang banyak adalah dengan memindahkan hasil lukisan atau lakaran tersebut dalam bentuk cetakan. (Colonial Landscape in Print, 24 April – 23 May 2010) Untuk membangunkan Australia sebagai sebuah negara jajahan kolonial di bawah naungan British, misi mengajak penghijrah dan peneroka negara tersebut amat penting kerana hal itu menjadi sumber tenaga bagi membangunkan tanah jajahan tersebut. Visual yang pada asalnya bertujuan sebagai alat propaganda atau jemputan kini disimpan dan merupakan visual sejarah negara yang dapat menyingkap sejarah silam bagi sesebuah negara.

Gambar 5: “*The Caves of the Thousand Buddhas*”, penemuan cetakan cetak tembus di China, kelihatan cetakan berulang pada bentuk Buddha pada dinding gua tersebut.



Sumber: ‘Inhabiting the Cultural Imaginary Future Trends in Interpretation of Cultural Heritage – Sarah Kenderdine, 18 June 2013, Chancellery, UM.

Berbanding dengan negeri jajahan British yang lain iaitu di India, kepentingan seni cetak diperkatakan oleh V. Simdaram, dalam sebuah rencana yang bertajuk “*Colour Lithographs of Gayatri Japam*” (Simdaram, 2012) Katanya, kepentingan rakaman dan pendokumentasian medium seni cetak telah berlaku pada era penjajahan British di India. Pengkarya seni cetak di India memberikan sumbangan dalam menuntut kemerdekaan negara tersebut melalui penghasilan karya seni cetak. Malahan, beliau juga melaporkan bahawa bangsa Eropah amat cenderung menyimpan koleksi karya seni cetak berkaitan dengan keindahan pemandangan negara yang dijajah oleh mereka. Hal ini secara tidak langsung membawa kepada pendokumentasian dalam merakamkan senario atau kejadian sebenar yang berlaku di sesuatu tempat.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah menerusi pendekatan kualitatif dengan menganalisis karya seni cetakan yang terkandung dalam pengumpulan data. Semua proses dalam setiap tahap adalah saling berkaitan antara satu sama lain kerana kaedah tersebut membantu memastikan keputusan yang diperolehi daripada penemuan yang berlaku dengan spesifikasi visual cetakan berpandukan pada fasa yang telah dirancang.

Pertama, kajian Arkib (*archival research*), perpustakaan (*library research*) dan Galeri (*Gallery Research*) didalam dan luar negara untuk memperolehi sumber-sumber pertama dan kedua yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Kaedah yang digunakan adalah bagi tujuan mengenal pasti melalui pengkajian bukti dokumantasi. Pengumpulan bukti fasa pertama seperti visual cetakan asal/asli, lukisan, lakaran sebagai data pertama. Selain dari itu bukti seperti foto lama atau visual cetakan salinan yang masih boleh diperolehi juga memainkan peranan yang penting. Bukti cetakan salinan seperti dari gambar katalog atau buku yang diterbitkan didalam dan luar negara juga diambil kira sebagai sumber sekunder atau sumber kedua.

Fasa kedua dalam kajian ini adalah menerang dan menjelaskan visual cetakan yang telah diperolehi dimana suatu pendekatan sistematik dalam proses penyelidikan dan kajian tentang hasil visual cetakan yang sangat penting dan perlu dilakukan dengan teliti. Kajian terdiri daripada tiga tahap, iaitu kajian visual, sketsa, atau gambar proses serta dokumentasi nota fotografi. Dengan menggunakan sumber yang diperolehi melalui kajian dokumentasi, pengkaji dapat memperoleh sumber secara langsung melalui kajian dan mengumpul data sebagai bukti. Pengkajian kaedah pengamatan bagi menerangkan dan menjelaskan setiap visual cetakan akan digunakan sebagai proses pengkajian yang pertama dengan melihat sendiri visual cetakan tersebut (data primer) jika masih boleh diperolehi. Proses dokumentasi akan diteruskan dengan menggunakan kaedah rakaman, iaitu dalam bentuk sketsa.

Berdasarkan dokumentasi, maklumat yang dikumpulkan mengenai visual cetakan yang dikaji atau diselidik akan direkodkan berdasarkan kepada butiran maklumat yang teratur dan jelas bagi setiap satu mengikut susunan tema penghasilan visual tersebut. Pengkajian gaya dan teknik adalah penting untuk mengaitkan semua keterangan yang tersedia pada visual

berkaitan. Rancangan kajian akan berasaskan “kaedah tematik” dimana setiap bab dibagikan kepada tema-tema visual cetakan yang diperolehi melalui gaya karya yang digunakan dari sudut seni halus berkaitan Negeri-negeri Melayu pada era penjajahan British. Tema yang biasa diutarakan oleh artisan dalam cetakan yang merangkumi tema sejarah, politik, ekonomi, seni bina dan sosial. Serta maklumat teknik cetakan daripada kajian terbahagi kepada cetakan timbul, benam, planograf, dan serigraf, pengkajian karya seni cetak sejarah atau data yang berkaitan dengan penghasilan karya tersebut.

Setelah proses pemeriksaan biasa dilakukan, langkah seterusnya adalah proses pengenalan karya yang akan dianalisis atau diperjelaskan berdasarkan aspek mengenal pasti struktur dan fungsi karya yang dihasilkan berdasarkan daripada sampel pendokumentasian sejarah sama ada dalam bentuk penulisan peribadi, terbitan atau fail rasmi. Serta untuk mengenal pasti jenis karya yang berdasarkan kepada tema yang berkaitan. Selain dari untuk mendapatkan maklumat visual cetakan susunan *‘The Credit Line’* akan diguna bagi melengkapkan lagi maklumat tentang visual cetakan yang merangkumi maklumat penting tentang visual cetakan tersebut seperti berikut, nama artist, tajuk visual, tahun dihasilkan, medium yang digunakan, saiz visual dan lokasi simpanan atau sumber asal visual diperolehi, namun jika ada kengkangan antara maklumat tersebut ia adalah memadai jika sebahagian darinya diperolehi. Dalam memperjelaskan kajian ini, susunan berikut akan diguna pakai dalam kajian ini, iaitu dengan mengkaji cetakan yang dihasilkan. Segala aktiviti berkaitan Negeri-negeri Melayu akan dikaji. Kajian yang dijalankan di London, terutama di National Art Library, Victoria & Albert Muzium menjadi penting diatas beberapa sebab dimana terdapat banyak himpunan visual cetakan asli. Selain dari himpunan koleksi visual cetakan yang diperolehi di India Office: prints, drawing and paintings collection, British Library juga memainkan peranan dalam beberapa perolehan sumber. Selain itu Arkib Negara Malaysia di Kuala Lumpur juga menjadi sumber yang tidak ternilai dalam memperolehi sumber-sumber prima dan sekunder berkaitan visual cetakan yang telah diperolehi di dalam dan luar negara.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Terdapat berbagai-bagai jenis seni cetakan tradisional di Negeri-negeri Melayu, ianya mempunyai fungsi yang tersendiri selain dari cetakan tersebut menghasilkan sesuatu yang berseni. Disiplin cetakan yang digunapakai oleh masyarakat di Negeri-negeri Melayu itu telah menjadi tinggalan warisan nenek moyang yang hingga kini masih boleh ditemui kerana ia bagaikan sesuatu yang amat bernilai warisan turun temurun. Namun begitu perkembangan cetakan tradisional ini tidak mempunyai kesinambungan dengan seni cetakan yang dihasilkan dalam proses pendokumentasian visual era British ini. Keseluruhan teknik cetakan yang dihasilkan untuk merekodkan sejarah di Negeri-negeri Melayu merupakan teknik yang dibawa masuk dari Eropah malahan hampir keseluruhan darinya dicetak di England dan negara Eropah yang lain dan ada sebahagian darinya dicetak di India. Daripada penyelidikan ini, penyelidik telah menemui cetakan-cetakan bertemakan Negeri-negeri Melayu dengan teknik seni cetak oleh pengkarya ketika era kolonial British. Cetakan yang terhasil mengiringi penulisan dapat memberi gambaran visual jelas berbanding penulisan tanpa visual. Melalui visual seni cetak sejarah dapat dihuraikan dari segi bahasa yang berbeza dari teks iaitu huraian dari segi suasana, atmosfera, dan skala malahan konsep atau idea yang kadang kala sukar diperjelaskan dalam bentuk penulisan. Oleh kerana itu, cetakan asli berbentuk dokumentasi sejarah, berjaya

mengetengahkan fungsinya sebagai alat pendokumentasian seperti yang diamanahkan oleh pihak berkuasa atau orang perseorangan yang berkepentingan atau pun sekadar himpunan milik peribadi yang akhirnya di kongsi bersama umum melalui penerbitan. Malahan tugas utama cetakan yang berupaya merakamkan dan menyimpan karya seni dalam bentuk karya bersifat demokrasi, menjadi kelebihan yang tiada pada karya seni halus yang lain. Fungsi karya cetakan bukan hanya sebagai satu seni, malahan merangkumi ruang yang lebih besar iaitu, menyimpan sejarah khazanah negara.

Faktor kemasukan teknik seni cetak moden seperti 'Etching', 'Engraving', 'Lithography' di Negeri-negeri Melayu, terbukti mempunyai hubung kait dengan pengaruh penjajahan Barat. Tujuan utama pada asalnya merakamkan keadaan dan keindahan negara jajahan ketika itu. Kategori pemandangan, peristiwa dan alam semulajadi menjadi tema utama karya seni cetak. Kajian yang dilakukan berdasarkan cetakan mendapati, kerajaan dan rakyatnya telah mendapat pengetahuan mengenai sejarah sosial, politik, dan ekonomi di negara tersebut. Antaranya peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch di negeri Perak telah mengemparkan dan menarik perhatian umum di England dan telah dirakamkan bagi menggambarkan visual kejadian iaitu kedudukan tempat, usaha mengesan pesalah dan tempat pengkebumian menggunakan teknik gurisan kayu dan diterbitkan dalam akhbar *The Illustrated London News*. Terdapat pelbagai lagi peristiwa bersejarah telah dirakamkan dengan baik oleh para pengkarya pada ketika itu. Sesungguhnya cetakan ini bukan sahaja memenuhi keperluan pentadbiran, malah telah menjadi satu pendokumentasian sejarah melalui rakaman visual pada ketika itu untuk rujukan masa kini. Cetakan era kolonial kini tersimpan di perpustakaan-perpustakaan utama di England, Negara-negara tanah jajahan British yang lain juga di Malaysia sendiri sebagai dokumen yang penting dan peranannya tidak lagi dapat disangkal.

RUJUKAN

- Ahmad Suhaimi Mohd Noor (2007). *Sejarah Kesedaran Visual Malaya*, (hlm. 1) Perak: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Alison Inglis, (1988). *Art at Second Hand: Prints after European Pictures in Victoria before 1870*, *Australian Journal of Art*, Volumes VII, 1988, hlm 52.
- Bastin, J. S. & Rohatgi, P. (1979). *Prints of Southeast Asia in The Indian Office Library: The East India Company in Malaysia and Indonesia, 1786-1824* (hlm xvii). Cambridge, Her Majesty's Stationery Office by Heffers Printers Limited.
- Byrd, C. K. (1991). *Percetakan Awal di Jajahan Selat*, (hlm 3). Diterjemahkan oleh Mansor Ahmad Saman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Colonial Landscape in Print, 24 April – 23 May 2010, Mars Gallery, Ballarat Victoria, Australia, hlm. x.
- Durand, F. R. & Curtis R. (2014). *Maps of Malaya and Borneo: Discovery, Statehood and Progress* (hlm 24). Editions Didier Millet.

- Hough, S. J. & Hough P. R., *The Beinecke Lesser Antilles Collection at Hamilton College: A Catalogue of Books, Manuscripts, Prints, Maps, and Drawings, 1521-1860*. University Press of Florida, 1994.
- Hourani & George Fadlo (1995). *Arab Seafaring in the Indian Ocean in Ancient and Early Medieval Times* (hlm. 35). Princeton University Press.
- Lim Chong Keat (1986). *Penang View 1770-1860*. Penang: Summer Times Publishing.
- Kauz, R. (2010). *Aspects of the Maritime Silk Road: From the Persian Gulf to the East China Sea*. (hlm. 3-4). Vol. 10: Otto Harrassowitz Verlag.
- Muliyadi Mahamood, *Pendekatan Sejarah dan Kritikan Seni Visual*, <http://sayaseorangpensyarah.blogspot.com/2011/07/kertas-kerja-Dr.-Muliyadi-Mahamood-dari.html> (tarikh diakses 12 Dis. 2012).
- Muliyadi Mahamood (2003), "Seni Cetak Kontemporari Malaysia", *Dewan Budaya*, Bilangan 7, Julai, hlm. 36.
- Seidner, R. B. (1989). *Paint Wizardry: Falling for Faux Finishes*, (hlm. 56). Cincinnati Magazine.
- Teo, M. et. al. *Nineteenth Century Print of Singapore*, (hlm prakata) Singapore: Times Edition, 1987.
- V.Simdaram, *Colour lithographs of Gayatri Japam*, <http://www.newstodaynet.com/col.php?section=20&catid=33&id=3821> (tarikh diakses 16/10/2012)

Biodata Penulis

Azian Tahir adalah pelajar siswazah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dan merupakan seorang pensyarah kanan di Universiti Teknologi MARA (Perak). No. Tel : 019-2400441 Email: aziantahir@siswa.um.edu.my

Arba'iyah Mohd Noor adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. No. Tel : 016-9923766 Email: arbaiyah@um.edu.my

Mohd Khairul Azahari bin Abdul Rani adalah pelajar siswazah di Universiti Malaya dan merupakan seorang pensyarah kanan di Universiti Teknologi MARA (Perak). No. Tel : 019-2365752 Email: khairulazahari75@yahoo.com.